

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : ASTRO AWANI

TARIKH : 30 OKTOBER 2022

SITASI :

M/S : -

“Perkhidmatan perpustakaan digital berkuat kuasa hingga 1 Februari 2024 – PNM”, Astro Awani 30 Oktober 2022.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perkhidmatan-perpustakaan-digital-berkuat-kuasa-hingga-1-feb-2024-pnm-388487>. Di akses pada 31 Oktober 2022



## Perkhidmatan perpustakaan digital berkuat kuasa hingga 1 Feb 2024 - PNM

Astro Awani

Oktober 30, 2022 04:09 MYT



Menurut laporan terdahulu, lebih 330,000 pembaca Malaysia bakal kehilangan akses kepada perkhidmatan pinjaman buku digital menjelang awal tahun 2024. - Gambar fail BERNAMA

**KUALA LUMPUR:** Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menafikan laporan bahawa perkhidmatan perpustakaan digital bakal ditamatkan susulan pemberhentian perolehan e-buku tempatan.

PNM memaklumkan, pihaknya tidak pernah mengeluarkan notis pemberhentian kepada pangkalan data dalam talian E-Lib kerana tempohnya masih berkuat kuasa sehingga 1 Feb 2024.

“Rakyat Malaysia masih boleh mengakses sebanyak 1,500 judul bahan bacaan melalui pangkalan data dalam talian E-Lib.

“PNM sentiasa berusaha melanggan pangkalan data dalam talian yang sedia ada atau yang baharu untuk memberikan kemudahan kepada masyarakat dan turut memberikan peluang kepada syarikat pangkalan data dalam talian.

“PNM tidak pernah mengabaikan keperluan pangkalan data yang sememangnya sangat relevan pada masa kini,” menurut PNM dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, wujud laporan menyatakan, lebih 330,0000 pembaca di Malaysia bakal kehilangan akses kepada perkhidmatan pinjaman buku digital menjelang awal tahun 2024.

#### **BACA: Penamatan perkhidmatan perpustakaan digital, penerbit e-book kesal**

Vendor dan ratusan penerbit dan penulis tempatan yang membekal kepada perpustakaan pinjaman elektronik yang lebih dikenali sebagai ELIB ini mula menyuarakan kebimbangan mereka kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengenai keputusan Perpustakaan Negara yang telah menjelaskan pendapatan penerbit dan penulis digital di Malaysia.

Fasiliti pinjaman e-buku mula diperkenalkan oleh pihak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada awal tahun 2012 sebagai salah satu usaha negara untuk menggalakkan budaya pembacaan digital apabila mendapati bahawa terdapat penurunan dalam jumlah pengunjung ke perpustakaan.

Sejak itu, kemudahan pinjaman e-buku yang menyajikan banyak judul terbitan tempatan termasuk koleksi novel-novel drama adaptasi terkenal, telah mula mencapai kadar pinjaman yang tinggi berbanding pinjaman buku bercetak dari perpustakaan fizikal.